




TATAKELAKUAN





Kandungan

* Pengenalan		4
Tatakelakuan ini ialah Pernyataan Am Kita mengenai Tataniaga Yang Beretika		5
Siapakah Yang Harus Mematuhi Tatakelakuan Ini?		6
Pekerja Yang Memegang Jawatan Kepimpinan Mempunyai Tanggungjawab Tambahan		6
Apakah Akibat Kegagalan Bertindak Secara Beretika?		7
Di Manakah Harus Kita Mendapatkan Panduan atau Mengemukakan Keraguan?		7
* Konflik Kepentingan		8
Situasi Yang Lazim Berlaku		10
Ahli Keluarga dan Hubungan Peribadi Yang Rapat		10
Hadiah dan Keraian Rasmi		11
Aktiviti Luar		15
Dapatkan Panduan dan Bantuan		17
* Peluang Korporat		18
* Tanggungjawab Kita		20
Tanggungjawab Kita Sesama Sendiri		21
Rasa Hormat dan Kepelbagai			
Kesihatan dan Keselamatan Pekerja			
Tanggungjawab Kita kepada Pengguna		24
Kualiti dan Keselamatan Produk			
Maklumat Tentang Pengguna			
Periklanan dan Promosi			
Tanggungjawab Kita kepada Pemegang Saham		26
Melindungi Aset Mattel			
Maklumat Orang Dalam dan Perdagangan Sekuriti			
Komunikasi dengan Pelabur			
Ketepatan Rekod, Laporan Awam dan Makluman Syarikat			
Komunikasi Perniagaan			
Penyimpanan Rekod			
Tanggungjawab Kita kepada Rakan Niaga		32
Berurusan dengan Orang Lain			
Berurusan Secara Adil			
Amalan Perkilangan dan Pengedaran Yang Bertanggungjawab			
Amalan Pembelian			
Pelanggan Kerajaan			
Tanggungjawab Kita Untuk Bersaing Dengan Adil		34
Mengutip Maklumat Persaingan			
Persaingan Yang Adil dan Antipakat			
Tanggungjawab Kita kepada Komuniti		35
Khidmat Masyarakat			
Persekutuan dan Kelestarian			
Makluman kepada pihak Media			
Tanggungjawab Kita kepada Kerajaan dan Kepatuhan Undang-undang		36
Undang-undang Mana Yang Harus Dipakai?			
Kegiatan Politik			
Undang-undang Cegah Rasuah			
Pelaburan Wang Haram			
Perdagangan Antarabangsa			
* Cara Mendapatkan Bantuan dan Mengemukakan Keraguan		42
Am		43
Mengemukakan Keraguan Atau Rungutan Tentang Hal-hal Perakaunan atau Pengauditan		45



Pengenalan

z



MATTEL

Pengenalan

Tatakelakuan ini ialah Pernyataan Am Kita mengenai Tataniaga Yang Beretika

Tatakelakuan ini ialah pernyataan tentang piawaian tataniaga beretika yang diikuti oleh Mattel berdasarkan komitmen kita untuk mendukung nilai-nilai Mattel dan mematuhi undang-undang.

Di Mattel, nilai-nilai murni kita ialah:

Bermain Secara Adil

Bertindak dengan integriti yang teguh pada setiap masa.
Melayan satu sama lain dengan hormat dan mulia.
Bertanggungjawab terhadap kesan setiap tindakan dan keputusan.
Percaya akan satu sama lain untuk membuat keputusan yang betul.

Bermain Bersama

Bekerja sebagai satu pasukan untuk merealisasikan potensi kita sepenuhnya.
Jalinkan perkongsian yang berkekalan dan hubungan yang produktif.
Perkayakan komuniti di tempat kita bekerja dan beriadah.

Bermain Dengan Penuh Semangat

Gunakan inovasi dan kreativiti yang tiada bandingannya untuk memberi kesan yang positif pada kehidupan kanak-kanak dan keluarga di seluruh dunia.
Miliki kepintaran, komitmen dan keyakinan untuk membuat perubahan.

Bermain Untuk Berkembang

Amalkan pemikiran yang inventif dan ambil risiko yang bijak.
Berikan ganjaran untuk inovasi di setiap bahagian perniagaan kita.
Jadilah pemimpin, capai kualiti yang unggul dan lampau sasaran.
Pernyataan Nilai mengandungi komitmen untuk **bertindak dengan integriti yang teguh.**

Ini merangkumi kewajipan mematuhi undang-undang negara dan komuniti di tempat kita menjalankan perniagaan. Sebagai syarikat global yang menjalankan perniagaan di seluruh dunia, operasi Mattel tertakluk kepada undang-undang berbilang kerajaan. Kita mestilah mematuhi semua undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkenaan di mana sahaja tempat Mattel menjalankan perniagaan.

Tatakelakuan ini menggariskan tanggungjawab kita yang luas.
Panduan selanjutnya disediakan dalam Dasar Syarikat, prosedur, buku panduan pekerja dan garis-garis panduan yang lain. Semua garis panduan yang ditetapkan bagi operasi perniagaan mestilah selaras dengan piawaian tingkah laku beretika yang digariskan di dalam Tatakelakuan.

Semua pekerja dikehendaki mematuhi Tatakelakuan, Dasar Syarikat dan undang-undang yang mengawal aktiviti kita.

Ingat



Apabila anda membaca perkataan "Mattel" dalam Tatakelakuan, ini merangkumi Mattel, Inc. dan setiap anak syarikatnya dan unit perniagaannya.

Tatakelakuan Mattel dikenakan terhadap para pekerja setiap syarikat yang menganggotai kumpulan Mattel, dan merangkumi Mattel, Inc., Fisher-Price, Inc., American Girl Brands LLC, Radica Enterprises Ltd. dan semua anak syarikat Mattel yang lain di seluruh dunia.

Ingat



Para pekerja boleh mendapatkan pelbagai Dasar Syarikat dan garis-garis panduan yang lain pada tapak intranet Mattel yang disediakan untuk pekerja.

Bertindak dengan integriti yang teguh.”



Pengenalan

Siapakah Yang Harus Mematuhi Tatakelakuan Ini?

Tatakelakuan ini hendaklah dipatuhi oleh semua pekerja Mattel (termasuklah pekerja sementara, sambilan dan bermusim).

Beberapa peruntukan yang tertentu dalam Tatakelakuan ini juga dikenakan terhadap ahli-ahli Lembaga Pengarah Mattel ("Pengarah").

Pekerja Yang Memegang Jawatan Kepimpinan Mempunyai Tanggungjawab Tambahan

Pemimpin sepatutnya memupuk suasana tingkah laku beretika dengan

- menjadi teladan dengan menunjukkan kelakuan yang beretika semasa menjalankan tugas masing-masing,
- memastikan para pekerja faham bahawa kepatuhan piawaian tingkah laku beretika lebih penting daripada hasil pencapaian perniagaan,
- memastikan bahawa pekerja memahami piawaian tingkah laku beretika dalam Tatakelakuan dan Dasar Syarikat yang berkenaan dengan pelaksanaan tugas mereka,
- menggalakkan komunikasi terbuka mengenai amalan perniagaan dan isu etika,
- bertindak menangani tingkah laku yang tidak beretika, termasuklah memberi latihan, kaunseling dan tindakan disiplin apabila perlu, dan
- mengiktiraf dan memberi ganjaran bagi tingkah laku yang beretika.



**SIKAP BERTANGGUNG JAWAB
HORMAT
INTEGRITI
MARUAH
KEPERCAYAAN**

Pengenalan

Apakah Akibat Kegagalan Bertindak Secara Beretika?

Kegagalan bertindak secara beretika dan melanggar Tatakelakuan dan Dasar Syarikat boleh memberi kesan terhadap perniagaan dan reputasi Mattel, dan boleh mendatangkan akibat yang serius bagi semua pemegang kepentingan Mattel, termasuklah pekerja, pemegang saham, pengguna, rakan niaga dan komuniti kita.

Sekiranya Mattel mendapat berlakunya pelanggaran Tatakelakuan, Dasar Syarikat atau undang-undang, kami akan bertindak membetulkan masalah tersebut dan mencegah kejadian yang sama berulang lagi. Bergantung pada keadaan, langkah pembetulan dan pencegahan mungkin merangkumi latihan, kaunseling dan tindakan disiplin termasuklah pembuangan kerja dan dakwaan sivil atau jenayah.

Anda bertanggungjawab mengatakan sesuatu apabila anda berada dalam keadaan yang anda percaya mungkin melanggar ataupun yang akan menyebabkan pelanggaran Tatakelakuan, Dasar Syarikat atau undang-undang.

Di Manakah Harus Kita Mendapatkan Panduan atau Mengemukakan Keraguan?

Pekerja yang ada pertanyaan mengenai Tatakelakuan, Dasar Syarikat atau tingkah laku yang mungkin melanggar piawaian ini boleh merujuk kepada sumber yang berikut untuk mendapatkan bantuan:

- Penyelia boleh dihubungi untuk menjawab pertanyaan, dan mereka paling memahami garis panduan syarikat yang berkenaan dengan aktiviti perniagaan dalam bidang mereka masing-masing.
- Wakil Sumber Manusia ialah sumber yang terbaik untuk bertanya mengenai pekerjaan, manfaat, dan isu-isu di tempat kerja.
- Jabatan Undang-undang boleh menyediakan panduan mengenai undang-undang yang dikenakan dan cara menjalankan perniagaan Mattel selaras dengan undang-undang.
- Talian Etika Mattel ialah talian percuma yang boleh dihubungi oleh pekerja 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Pekerja yang menghubungi Talian Etika boleh merahsiakan namanya tetapi digalakkan untuk mengenalkan diri mereka dan memberikan seberapa banyak maklumat yang boleh agar Syarikat dapat menjalankan penyiasatan yang cekap dan berkesan tentang isu yang dilaporkan.

Semua pertanyaan dan keraguan akan dikendalikan secara adil dan sulit, dan tindakan balas dendam dilarang terhadap mana-mana pekerja yang melaporkan keraguannya tentang etika.

Lihat bahagian "Cara Mendapatkan Bantuan Dan Mengemukakan Keraguan" untuk mengetahui prosedur mengemukakan keraguan tentang hal-hal perakaunan dan pengauditan.

Sumber

Para pekerja boleh menggunakan beberapa sumber untuk mendapatkan maklumat dan panduan:


- Penyelia
- Wakil Sumber Manusia
- Jabatan Undang-undang
- Talian Etika

Lihatlah bahagian "Cara Mendapatkan Bantuan" untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara mendapatkan panduan dan melaporkan keraguan.



Ingat

Balasan dendam terhadap mana-mana pekerja yang secara ikhlasnya telah melaporkan keraguannya tentang etika tidak akan dibiarakan begitu sahaja. Mana-mana pekerja yang mempercayai bahawa dia dikenakan balasan dendam kerana melaporkan sesuatu isu secara ikhlas atau kerana membantu sesuatu siasatan Mattel secara ikhlas hendaklah melaporkannya dengan segera kepada Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-undang, Jabatan Audit Dalaman, Jabatan Keselamatan Global atau Talian Etika yang sulit.



Konflik
Kepentingan



NY



MATTEL

Konflik Kepentingan

Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi berkemungkinan mempengaruhi pertimbangan kita mengenai apa yang terbaik bagi Mattel, atau menyukarkan pelaksanaan pekerjaan kita di Mattel secara objektif dan berkesan.

Para pekerja dan Pengarah mestilah bertindak demi kebaikan Mattel, tanpa mengira kepentingan peribadi mahupun kemungkinan mendapat manfaat peribadi.

Adalah sangat penting untuk mengambil kira kewujudan konflik kepentingan kerana tanggapan bahawa akan berlakunya konflik pun boleh merosakkan reputasi Mattel dengan sama seperti konflik yang sebenar. Pekerja yang bertanggungjawab didalam pembelian barang dan perkhidmatan mestilah lebih menyedari akan kemungkinan berlakunya konflik kepentingan.

Anda haruslah berbincang dengan penyelia anda dan dengan Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda apabila anda mendapat tahu tentang kemungkinan berlakunya konflik kepentingan, kerana mereka ini boleh membantu anda menentukan sama ada wujudnya konflik kepentingan yang sebenar, yang boleh berlaku, atau yang ditanggapi.



Adalah sangat penting untuk mengambil kira kewujudan konflik kepentingan kerana **tanggapan bahawa akan berlakunya konflik pun boleh merosakkan reputasi Mattel dengan sama seperti konflik yang sebenar.”**



Konflik Kepentingan

Situasi Yang Lazim Berlaku

Tidak mungkin dapat disenaraikan semua situasi yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan. Situasi begini lazimnya melibatkan **hubungan, pelaburan kewangan dan pekerjaan kedua**.

Ahli Keluarga dan Hubungan Peribadi Yang Rapat

Tugasan kerja yang melibatkan ahli keluarga atau pekerja yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat boleh menimbulkan konflik kepentingan sebenar, yang boleh berlaku, atau yang ditanggapi, dan boleh mewujudkan suasana kerja yang negatif atau yang tidak profesional. Oleh itu, seseorang itu tidak boleh diambil sebagai pekerja atau dinaikkan pangkat kepada jawatan yang melaporkan diri secara langsung ataupun tidak kepada ahli keluarga, atau kepada pekerja yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan individu tersebut.

Siapakah Ahli Keluarga?

Ahli keluarga ialah sesiapa yang bersaudara melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.

Apakah Hubungan Peribadi Yang Rapat?

Pasangan mana-mana jantina, sesiapa yang duduk serumah dengan pekerja, kawan rapat dan individu-individu yang sedang berpacaran.

Kerja dan tugas kerja akan diberikan berdasarkan kelayakan, kemahiran dan pencapaian, dan bukannya berdasarkan hubungan keluarga atau hubungan peribadi.


Dapatkan kepastian dengan menanya Wakil Sumber Manusia dan penyelia apabila hubungan keluarga atau peribadi antara pekerja boleh menimbulkan konflik yang sebenar, yang boleh berlaku atau yang ditanggapi.

Soal Jawab

Soalan: Saya dan rakan sebilik saya sama-sama bekerja dengan Mattel. Adakah ini suatu konflik kepentingan?

Jawapan: Ini bergantung pada jawatan anda dan tanggungjawab kerja anda. Pekerja-pekerja yang saling mempunyai hubungan peribadi yang rapat tidak boleh bekerja dalam hubungan lapor diri yang terdekat, atau dalam keadaan yang boleh membawa kepada sikap pilih kasih yang sebenar mahupun yang disangka sahaja, ataupun kepada sikap kurang objektif.

Anda hendaklah memastikan bahawa Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda tahu tentang hubungan yang mungkin berupa konflik kepentingan ini supaya langkah-langkah yang sewajarnya dapat diambil untuk memastikan bahawa pekerjaan anda di Mattel tidak akan menimbulkan konflik kepentingan bagi anda ataupun bagi rakan sebilik anda.



Konflik Kepentingan

Hadiah dan Keraian Rasmi

Hadiah dan keraian rasmi mungkin berguna untuk mengukuhkan hubungan perniagaan. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menghulurkan atau menerima hadiah, budi baik atau keraian jika perbuatan itu akan menyebabkan penerimanya terhutang budi mahupun cuma kelihatan seolah-olah seperti terhutang budi.

Janganlah kita meminta atau mengundang hadiah, budi baik, keraian atau perkhidmatan untuk diri kita sendiri. Selain itu, janganlah kita gunakan jawatan kita di Mattel untuk meminta penjual memberikan layanan peribadi yang istimewa dari segi penentuan harga, syarat-syarat atau pinjaman.



Soal Jawab

Soalan: Seorang pembekal menghantar saya bungkusun hadiah yang mahal sempena musim perayaan. Bolehkah saya menerimanya?

Jawapan: Untuk mengelakkan bayangan berlakunya konflik kepentingan, anda tidak boleh menerima hadiah yang melebihi US\$100 nilainya. Anda sepatutnya memulangkan hadiah tersebut kepada pembekal itu berserta surat yang menjelaskan bahawa Dasar Konflik Kepentingan Mattel tidak membenarkan anda menerima hadiah-hadiah begitu. Jika anda percaya bahawa perbuatan menolak hadiah tersebut tidak praktikal atau tidak sopan, hadiah itu haruslah diberikan kepada badan amal melalui Program Kedermawanan Mattel.

Soalan: Saya dipelawa menghadiri sebuah persidangan yang ditaja oleh seorang penjual. Penjual tersebut ingin membayai segala perbelanjaan bagi perjalanan saya, termasuklah tambang penerbangan, makan minum dan penginapan. Bolehkah saya menerimanya?

Jawapan: Anda tidak boleh menerima tawaran penjual itu untuk menanggung segala perbelanjaan anda semasa menghadiri persidangan tersebut. Jika kehadiran anda semasa persidangan ini bermanfaat bagi perniagaan Mattel, maka Mattel haruslah menanggung kos perjalanan anda. Jika Mattel membayai perjalanan anda ke persidangan tersebut, anda bolehlah menyertai jamuan makan minum dan aktiviti yang menjadi sebahagian daripadanya asalkan tidak terlalu mewah atau berlebih-lebihan.



Kita tidak boleh menghulurkan atau menerima hadiah, budi baik atau keraian jika perbuatan itu akan menyebabkan penerimanya terhutang budi mahupun Cuma kelihatan seolah-olah seperti terhutang budi.”

Konflik Kepentingan



• Hadiah

Kita haruslah menggunakan penilaian yang berhemat dan kesederhanaan apabila mempertimbangkan sama ada untuk menerima atau menghulurkan hadiah ataupun tidak.

Menerima Hadiah

Secara amnya, kita tidak boleh menerima hadiah daripada rakan niaga atau pesaing. Kita boleh menerima hadiah yang kecil-kecil sahaja (hadiah yang tidak melebihi US\$100 nilainya daripada satu sumber dalam setahun). Hadiah yang melebihi US\$100 nilainya haruslah dipulangkan kepada pemberinya berserta surat penjelasan. Walau bagaimanapun, jika perbuatan menolak sesuatu hadiah itu tidak praktikal atau tidak sopan, hadiah itu haruslah didermakan kepada badan amal melalui Program Kedermawanan Mattel.

Pekerja tidak dibenarkan menerima hadiah berupa wang tunai atau kesamaan tunai (seperti cek, bon simpanan, saham atau sekuriti korporat yang lain) walau berapa pun nilainya. Sijil hadiah dan kad hadiah yang membenarkan penerima memilih aneka barang dan perkhidmatan boleh dianggap sebagai kesamaan tunai. Atas sebab ini, pekerja hendaklah mendapatkan nasihat Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja masing-masing sebelum menerima sijil hadiah atau kad hadiah.

Menghulurkan Hadiah

Kita tidak sepatutnya menghulurkan hadiah melainkan perbuatan ini memang cara atau adat yang lazimnya diikuti, merupakan amalan perniagaan yang sudah menjadi kebiasaan, dan wajar serta berpatut dalam keadaan yang berkenaan.

Kita tidak boleh menghulurkan hadiah jika kita tahu bahawa perbuatan itu akan melanggar dasar majikan penerima tersebut. Oleh itu hendaklah meminta nasihat Jabatan Undang-undang sebelum menghulurkan hadiah kepada mana-mana pegawai kerajaan.

Lihatlah perbincangan mengenai Undang-undang Cegah Rasuah di dalam bahagian "Tanggungjawab Kita Kepada Kerajaan."

Tahukah anda



Beberapa lokasi Mattel di luar Amerika Syarikat telah menetapkan amaun yang lebih kecil sebagai had bagi nilai hadiah yang boleh diterima oleh pekerja Mattel. Pastikan anda tahu had yang betul bagi lokasi anda. Jika anda kurang pasti, hubungilah Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda.



Konflik Kepentingan



Soal Jawab

Soalan: Seorang pembekal menghantar saya kad hadiah American Express bernilai US\$50. Bolehkah saya menerimanya?

Jawapan: Kad hadiah yang membolehkan anda membuat pilihan aneka barang dan perkhidmatan dianggap sebagai kesamaan tunai. Menerima hadiah berupa wang tunai ataupun kesamaan tunai dilarang sama sekali tidak kiralah berapa amunnya. Anda hendaklah memulangkan hadiah ini kepada pembekal itu dan menjelaskan bahawa Dasar Mattel tidak membenarkan anda menerima hadiah-hadiah begitu.

Soalan: Seorang pembeli bagi salah satu akaun runcit Mattel yang penting akan berkahwin dan saya ingin menghantar kepadanya set gelas kristal dari sebuah butik mewah yang eksklusif sebagai hadiah perkahwinannya daripada Mattel. Bolehkah ini menimbulkan konflik kepentingan?

Jawapan: Anda tidak sepatutnya menghulurkan hadiah yang boleh mempengaruhi pertimbangan perniagaan pelanggan anda mahupun menimbulkan bayangan bahawa pertimbangannya boleh dipengaruhi. Sebelum menghantar hadiah, tanyalah diri anda soalan-soalan yang berikut:

- Berapakah nilai hadiah yang ingin anda hantar itu?
- Adakah hadiah ini sesuai diberikan dalam keadaan begini?
- Adakah ini amalan perniagaan yang lazim diikuti?
- Tahukah anda tentang apa-apa dasar pelanggan atau amalan pemberian hadiah yang mungkin dilanggar kerana memberi hadiah ini?
- Apakah agaknya yang akan difikirkan oleh orang luar?

Anda haruslah membincangkan hal ini dengan penyelia anda dan juga dengan Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda kerana mereka dapat membantu anda memikirkan soalan-soalan ini secara objektif.

Soalan: Seorang pegawai kerajaan tempatan yang membuat keputusan utama dalam suatu urus janji perniagaan peringkat antarabangsa. Beliau telah mengajak anda menyertainya dan keluarganya untuk makan malam. Anda diberitahu bahawa mengikut adat, anda patut membawa hadiah ke majlis tersebut. Apakah yang patut anda lakukan?

Jawapan: Anda perlu lebih berhati-hati apabila berurusan dengan pegawai kerajaan asing supaya tidak melanggar Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat dan undang-undang cegah rasuah yang serupa di negara-negara lain.

Walaupun mungkin benar bahawa hadiah kecil-kecil yang tidak seberapa nilainya lazim diberikan mengikut adat, namun hadiah yang begitu kecil pun boleh dianggap sebagai melanggar undang-undang ini. Anda mestilah mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Undang-undang Mattel terlebih dahulu.

Konflik Kepentingan

• Keraian

Kita boleh menerima atau memberikan keraian dan jamuan makan rasmi yang berpatutan dalam konteks perniagaan dengan mengutamakan kepentingan Syarikat. Antara contohnya ialah menghadiri acara kebudayaan tempatan, acara sukan atau jamuan rasmi dengan rakan niaga (seperti pelanggan atau pembekal).

Walau bagaimanapun, jika rakan niaga tersebut tidak akan hadir bersama kita, acara tersebut tidak dianggap sebagai keraian rasmi. Sebaliknya, acara tersebut dianggap sebagai hadiah yang tertakluk kepada had US\$100 yang diterangkan tadi.



Soal Jawab

Soalan: Seorang penjual membelanja saya makan tengah hari sekali-sekala. Kami berbual tentang perniagaan, sukan, keluarga dan minat selain kerja semasa makan. Adakah ini patut?

Jawapan: Jamuan makan atau keraian yang dilakukan sekali-sekala sahaja untuk berbual tentang perniagaan dan membina hubungan perniagaan elok diadakan asalkan tidak terlalu mewah atau kerap.

Soalan: Seorang pembekal mengajak saya menonton permainan besbol dengannya. Pada saat terakhir, dia terpaksa membatakan rancangannya dan menawarkan kepada saya tiket itu lalu mencadangkan bahawa saya mengajak kawan-kawan saya pula. Bolehkah ini menimbulkan konflik kepentingan?

Jawapan: Menyaksikan acara sukan dengan rakan niaga boleh mengeratkan hubungan perniagaan. Walau bagaimanapun, jika rakan niaga itu tidak dapat menghadiri acara itu bersama anda, tiket-tiket itu dianggap sebagai hadiah dan nilainya tidak boleh melebihi had tahunan US\$100.

Soalan: Seorang pembekal mengajak saya menyaksikan suatu perlawaan kejohanan. Tiketnya sangat sukar diperoleh dan kami akan menyaksikannya dari ruangan mewah syarikat pembekal itu. Kenalan saya dan orang lain dari syarikatnya akan hadir. Bolehkah ini menimbulkan konflik kepentingan?

Jawapan: Walaupun kehadiran semasa acara sukan atau budaya mungkin membuka peluang yang bagus untuk membina atau mengeratkan hubungan perniagaan, namun anda haruslah mempertimbangkan keadaannya. Menerima perlawaan ini boleh membayangkan bahawa anda atau Mattel akan terhutang budi untuk memberi penjual ini layanan yang istimewa dalam urus janji perniagaan yang akan datang dengan Mattel. Anda haruslah meminta nasihat penyelia anda atau Wakil Sumber Manusia di tempat kerja anda untuk membantu anda membuat keputusan yang objektif.

Konflik Kepentingan

Aktiviti Luar

• Pekerjaan Kedua

Mattel menghendaki semua pekerja memberikan komitmen dalam memenuhi tanggungjawab mereka di Mattel. Pekerjaan kedua dan tanggungjawab lain boleh mengganggu komitmen ini.

Oleh itu, kita mestilah mendapatkan kelulusan Sumber Manusia sebelum

- menerima pekerjaan kedua,
- memulakan usaha niaga atau projek peribadi, atau
- bersetuju untuk menjadi penasihat, jururunding, pegawai atau pengarah

dalam keadaan yang boleh bercanggah dengan kemampuan kita memenuhi tugas kerja kita atau yang mungkin boleh menimbulkan konflik kepentingan.

Kemahiran yang kita pelajari dan gunakan di Mattel tidak sepatautnya digunakan dengan cara yang boleh merosakkan perniagaan Mattel. Berkhidmat dalam apa jua jawatan kepada organisasi yang bersaing dengan Mattel dengan apa-apa cara sekalipun, atau menjalankan usaha peribadi yang bersaing dengan Mattel dengan apa-apa cara sekalipun menimbulkan konflik kepentingan yang sebenar dan dilarang. Berkhidmat dalam apa jua jawatan kepada pembekal atau pelanggan Mattel berkemungkinan besar akan menimbulkan konflik kepentingan dan mestilah diluluskan oleh Sumber Manusia.



Ingat



Kepentingan perniagaan Mattel merangkumi pelbagai produk untuk kanak-kanak dan seisi keluarga. Apabila mempertimbangkan sama ada aktiviti luar mungkin akan bertindih dengan kepentingan perniagaan Mattel, penting diambil kira semua bidang perniagaan Mattel yang disertainya sekarang dan juga yang mungkin akan disertainya kelak.

Soal Jawab

Soalan: Saya telah diminta menganggotai Lembaga Pengarah sebuah organisasi luar. Apakah perkara yang perlu saya pertimbangkan sebelum menerima jawatan ini?

Jawapan: Anda haruslah mempertimbangkan faktor-faktor yang boleh membayangkan konflik kepentingan.

- Adakah organisasi itu pesaing Mattel atau rakan niaga Mattel?
- Adakah aktiviti organisasi itu berkait dengan apa cara sekalipun dengan perniagaan Mattel?
- Adakah anda dikehendaki menggunakan kemahiran atau maklumat yang telah anda peroleh semasa bekerja dengan Mattel?
- Berapakah banyak masa yang perlu anda berikan?

Anda mestilah mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan Sumber Manusia sebelum bersetuju untuk berkhidmat dengan organisasi luar dalam apa jua jawatan (misalnya ahli Lembaga Pengarah) dalam keadaan yang mungkin bercanggahan dengan tanggungjawab kerja anda atau yang boleh menimbulkan konflik kepentingan.

Soalan: Abang saya meminta saya menolongnya memulakan perniagaan kecil, iaitu khidmat pembersihan rumah. Baru-baru ini saya terlibat dengan kerja melaksanakan beberapa proses di Mattel untuk menjamin masa dan mengurangkan kos. Proses-proses ini juga mungkin berkesan bagi perniagaan abang saya. Saya boleh melakukan kerja ini pada hujung minggu supaya tidak mengganggu prestasi kerja saya di Mattel. Bolehkah saya membantu abang saya?

Jawapan: Anda boleh melakukan aktiviti luar dengan menggunakan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman anda asalkan kerja tersebut tidak mengganggu tanggungjawab kerja anda seharian, tetapi anda tidak boleh menggunakan hak intelektual Mattel, misalnya rahsia perdagangan atau maklumat sulit, dalam aktiviti luar anda itu.

Proses-proses perniagaan Mattel mungkin berupa rahsia perdagangan atau maklumat sulit jika tidak diketahui umum atau tidak boleh didapati oleh orang awam, dan jika proses itu memberi Mattel kelebihan dari segi persaingan dengan membolehkan Mattel beroperasi secara lebih berkesan. Kaedah-kaedah pengendalian yang telah sama-sama anda hasilkan dan laksanakan di Mattel mungkin terangkum dalam kategori ini.

Tidak kiralah sama ada anda akan dibayar ataupun tidak bagi kerja yang anda lakukan untuk abang anda. Apa yang anda lakukan itu mungkin berupa konflik walaupun anda menawarkan bantuan sukarela anda kepadanya secara percuma.

Anda harus membincangkan hal ini dengan Wakil Sumber Manusia di tempat kerja anda untuk menentukan sama ada terdapat konflik kepentingan sebelum bersetuju membantu abang anda.

Konflik Kepentingan



● Pelaburan

Pelaburan peribadi kita tidak sepatutnya mempengaruhi atau nampak seolah-olah mempengaruhi keputusan perniagaan yang kita buat bagi pihak Mattel.

Sebagai contoh, jika kita diberi tanggungjawab membuat keputusan yang boleh memberi kesan yang besar terhadap perniagaan sesebuah pembekal atau pelanggan, janganlah kita membuat pelaburan kepada pembekal atau pelanggan itu jika perbuatan tersebut boleh mempengaruhi atau nampak seolah-olahnya mempengaruhi keputusan perniagaan kita.

Kita juga perlu mengelak membuat pelaburan di dalam pesaing jika perbuatan itu boleh mempengaruhi atau nampak seolah-olahnya mempengaruhi keputusan perniagaan kita.

● Berkhidmat Dengan Organisasi Bukan Untung Atau Organisasi Komuniti

Mattel menyokong organisasi bukan untung atau organisasi komuniti melalui beberapa Program Kedermawanan, termasuklah Yayasan Kanak-kanak Mattel dan Signature Partnerships, dengan sumbangan kewangan, derma alat mainan, dan sumber-sumber lain.

Mattel membuka peluang kepada pekerja untuk menyertai Program Kedermawanan Mattel, dan menggalakkan pekerja menyokong organisasi amal dan komuniti kita dalam kegiatan sukarela. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh membiarkan kegiatan sukarela kita mengganggu perniagaan Mattel.

Apabila kita menyertai kegiatan yang tidak berkaitan dengan perniagaan Mattel atau dengan kegiatan sukarela kita yang menyokong Program Kedermawanan Mattel, kita tidak boleh menggunakan jawatan kita dalam Mattel dengan cara yang boleh membuatkan orang luar percaya bahawa kita bertindak bagi pihak Mattel, atau bahawa Mattel terlibat secara aktif atau menaja kegiatan-kegiatan ini.



Ingat

Jika anda menyarkan pandangan peribadi anda pada laman-laman media sosial, janganlah guna nama jawatan anda di Mattel mahupun merujuk kepada perkaitan anda dengan Mattel dengan cara yang mungkin boleh membayangkan bahawa anda bercakap bagi pihak Mattel.



Konflik Kepentingan



Dapatkan Panduan dan Bantuan

Kita hendaklah membincangkan apa-apa keraguan mengenai Konflik Kepentingan dengan penyelia kita dan dengan Wakil Sumber Manusia, dan meminta nasihat Jabatan Undang-undang jika perlu.

Garis panduan yang khusus mengenai perkara ini dan mengenai situasi lain yang lazim berlaku disediakan dalam **Dasar Konflik Kepentingan**.



Soal Jawab

Soalan: Saya memiliki sejumlah kecil saham dalam sebuah syarikat milik awam yang besar yang membekalkan mesin fotostat dan pencetak bagi semua lokasi Mattel. Adakah ini suatu konflik kepentingan?

Jawapan: Pada amnya, pelaburan kecil dalam syarikat besar yang dimiliki ramai yang menyediakan barang atau perkhidmatan kepada Mattel bukanlah suatu konflik kepentingan. Jika anda terlibat dengan tugas membuat keputusan bagi pihak Mattel berhubung dengan barang dan perkhidmatan, mungkin ada konflik kepentingan. Dalam keadaan begini, anda hendaklah mendedahkan pelaburan anda itu kepada Wakil Sumber Manusia di tempat kerja anda.

Soalan: Saya terlibat dengan organisasi amal yang menyediakan aktiviti selepas waktu sekolah untuk kanak-kanak. Bolehkah saya menggunakan nama jawatan saya di Mattel dalam surat-menyurat kepada penderma dan penyokong badan amal ini?

Jawapan: Menggunakan nama jawatan anda di Mattel dalam surat-menyurat bagi pihak organisasi amal tersebut boleh memberikan tanggapan bahawa Mattel terlibat secara aktifnya dalam organisasi ini. Sungguhpun kami menggalakkan pekerja memberi khidmat sukarela dalam organisasi yang bermanfaat untuk kanak-kanak, namun menggunakan nama Mattel dengan cara yang boleh mengelirukan begitu tidaklah sesuai.

Peluang
Korporat

M



MATTEL

Peluang Korporat

Peluang Korporat

Para pekerja dan Pengarah tidak boleh bersaing dengan Mattel, atau menggunakan peluang (sebagai contoh, peluang yang berkaitan dengan produk, reka cipta atau pelaburan) yang ditemui melalui penggunaan harta, maklumat atau kedudukan korporat bagi manfaat diri mereka sendiri. Kita tidak boleh menggunakan harta, maklumat atau kedudukan korporat untuk mendapatkan keuntungan peribadi.

Para pekerja dan Pengarah hendaklah berusaha mengutamakan kepentingan Mattel yang sah apabila timbul peluang berbuat demikian.



Tanggungjawab
Kita



MATTEL

Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab Kita Sesama Sendiri

Rasa Hormat dan Kepelbagaiian

Kita akan melayan orang lain sebagaimana kita mahu dilayan, iaitu dengan hormat, mulia dan adil.

Kita berhak bekerja dalam suasana yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan berdasarkan:

- bangsa
- warna kulit
- agama
- jantina (merangkumi kehamilan, kelahiran anak atau masalah kesihatan yang berkaitan dengannya)
- haluan seksual
- identiti jantina
- negara asal
- keturunan
- asal-usul sosial
- umur
- ketidakupayaan
- taraf perkahwinan
- maklumat genetik
- taraf veteran atau
- ciri-ciri lain yang dilindungi

Kita haruslah menghormati hak rakan-rakan sekerja kita, dan perlulah beringat bahawa diskriminasi dan gangguan sedemikian tidak boleh diterima dan dibiarkan.

Kita haruslah mengatakan sesuatu apabila kelakuan rakan sekerja membuatkan kita atau orang lain berasa tidak selesa. Kita masing-masing bertanggungjawab melaporkan apa-apa gangguan atau diskriminasi sedemikian samada yang kita alami atau yang kita perhatikan kepada pihak Sumber Manusia.



Kita akan melayan orang lain sebagaimana kita mahu dilayan, iaitu dengan hormat, mulia dan adil.”

Soal Jawab

Soalan: Seorang rakan sekerja suka menyebut-nyebut mengenai haluan seksual seorang rakan sekerja yang lain, termasuklah memanggilnya dengan nama-nama hinaan. Apabila si pelaku itu ditanya mengenainya, dia berkata bahawa dia cuma bergurau sahaja. Kelakuannya itu masih berterusan. Apakah yang harus dilakukan?

Jawapan: “Cuma bergurau sahaja” bukanlah alasan bagi kelakuan yang tidak senonoh. Kejadian ini, atau apa-apa kemusyikan mengenai kelakuan di tempat kerja yang mungkin melanggar Dasar Mattel dan garis panduan lain yang melarang gangguan atau diskriminasi hendaklah dilaporkan kepada Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda. Balasan dendam terhadap mana-mana pekerja yang secara ikhlasnya telah melaporkan keraguannya atau masalah tentang integriti atau etika tidak akan dibiarkan begitu sahaja.

Ingat



Kita mestilah menghormati hak kerahsiaan rakan-rakan sekerja kita walaupun di dalam aktiviti laman talian kita. Di tempat kerja, kita mungkin mendapat maklumat peribadi tentang rakan-rakan sekerja kita (nombor telefon dan alamat rumah mereka, maklumat mengenai keluarga mereka, aktiviti luar mereka, minat mereka dan sebagainya). Janganlah kita siarkan maklumat peribadi sedemikian atau pendapat mengenai rakan sekerja pada laman web media sosial tanpa kebenaran mereka.



Tanggungjawab Kita

Sebagai sebahagian daripada strategi kejayaan perniagaan kita, kita inginkan kepelbagaian pada diri kita dan pada apa yang kita lakukan, terutamanya melalui pekerja, perspektif, rakan niaga, dan produk kita.

Kita menyediakan peluang pekerjaan yang saksama untuk semua pemohon dan pekerja, tanpa mengambil kira ciri-ciri yang disenaraikan tadi. Kita membuat keputusan pengambilan pekerja untuk memenuhi keperluan perniagaan kita berdasarkan faktor kelayakan, kemahiran dan pencapaian, semuanya selaras dengan undang-undang pekerjaan tempatan dan negara.

Di Mattel, Semua Orang Sama-sama Bermain

Kita inginkan kepelbagaian pada diri kita dan pekerjaan kita, terutama sekali melalui:

Pekerja: kita akan mengambil, mengekalkan dan menaikkan pangkat tenaga kerja pelbagai latar belakang dan akan menyediakan peluang bagi komuniti di tempat kita tinggal, bekerja dan bermain.

Perspektif: kita akan mewujudkan budaya syarikat yang menggalakkan peluahan dan rasa hormat terhadap pelbagai sudut pandangan.

Pekongsi: kita akan berurus niaga dengan pelanggan dan pembekal yang mencerminkan kepelbagaian komuniti sedunia yang menjadi tempat kita beroperasi.

Produk: kita akan mewujudkan dan memasarkan produk yang diingini dan yang melibatkan para pengguna kita di seluruh dunia.

"Kita tahu bahawa budaya yang kaya dengan kepelbagaian ialah kunci kejayaan perniagaan. Budaya ini membentangkan kita mendalamkan pemahaman kita tentang peluang perniagaan di pelbagai pasaran seluruh dunia, dan menghasilkan produk yang diingini oleh pengguna pelbagai budaya."



Tanggungjawab Kita

Kesihatan dan Keselamatan Pekerja

Mattel mengadakan program keselamatan untuk menyediakan maklumat dan latihan tentang amalan yang selamat semasa perjalanan operasi perniagaan yang biasa dan dalam keadaan kecemasan.

Kita bertanggungjawab mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan, mengambil langkah-langkah berwaspada yang berpatut dan melaporkan keadaan yang tidak selamat atau berbahaya kepada penyelia kita, Jabatan Kelestarian Global Mattel, Jabatan Keselamatan Global Mattel atau kakitangan Kemudahan Dan Keselamatan Mattel tempatan.

Untuk mengekalkan piawaian tinggi Mattel dari segi kualiti, produktiviti dan keselamatan, para pekerja haruslah berada dalam keadaan mental dan fizikal yang sesuai semasa bekerja. Memiliki, membeli atau menjual, menggunakan atau berada di bawah pengaruh dadah yang diharamkan atau melakukan apa-apa kegiatan lain yang akan mewujudkan suasana kerja yang tidak selamat semasa bertugas, atau semasa berada di kawasan kerja Mattel, adalah dengan nyatanya dilarang. Meminum arak semasa bertugas atau semasa berada di kawasan kerja Mattel adalah dilarang melainkan sewaktu menghadiri majlis sosial Mattel yang diluluskan.

Tahukah anda



Kilang pembuatan, pusat pengedaran dan beberapa lokasi korporat Mattel mempunyai jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan yang dianggotai pekerja yang dilantik dengan tujuan bekerjasama dengan pihak kepimpinan untuk mengenal pasti isu-isu yang memerlukan perhatian, membantu dengan tugas merangka program latihan yang bersesuaian dan memastikan bahawa langkah-langkah berwaspada dan proses-proses yang betul disediakan untuk mencegah kejadian buruk di tempat kerja.

 **Mattel mengadakan program keselamatan untuk menyediakan maklumat dan latihan tentang amalan yang selamat.”**



Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab Kita kepada Pengguna

Kualiti dan Keselamatan Produk

Reputasi Mattel dari segi kualiti dan keselamatan produk adalah salah satu asetnya yang paling berharga. Komitmen kita terhadap kualiti dan keselamatan produk menjadi sebahagian daripada proses perekaan bentuk, pengilangan, pengujian dan pengedaran kita, dan menjadi kunci kejayaan perniagaan Mattel.

Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak ialah keutamaan kita yang utama. Kita akan memenuhi atau melebihi kehendak keperluan undang-undang dan piawaian industri bagi kualiti dan keselamatan produk. Kita bekerja setiap hari untuk mendapatkan kepercayaan pengguna kita melalui dedikasi kita terhadap keselamatan dengan menghasilkan produk yang boleh dipercayai oleh ibu bapa.

Mana-mana pekerja yang meragui keselamatan atau kualiti produk haruslah melaporkannya kepada Jabatan Keutuhan Produk Korporat Mattel.

Maklumat Tentang Pengguna

Kita menghormati rahsia maklumat tentang pengguna selaras dengan semua undang-undang dan peraturan tentang privasi dan perlindungan data yang dikenakan. Kita tidak berkongsi, menjual atau mendagangkan maklumat yang peribadi atau sensitif yang diperoleh secara dalam talian daripada kanak-kanak melainkan kita menerima persetujuan ibu bapanya dahulu ataupun jika proses undang-undang mewajibkan kita mendedahkannya.



"Satu perkara tetap tidak berubah: komitmen kita terhadap usaha menghasilkan alat mainan yang selamat, bermutu tinggi dan inovatif dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika."

Soal Jawab

Soalan: Apakah yang kita lakukan dengan maklumat peribadi yang kita kutip tentang pengguna?

Jawapan: Undang-undang kerahsiaan berbeza di setiap negara. Jika anda diberi kebenaran mendapatkan maklumat peribadi tentang pengguna, anda haruslah mengetahui undang-undang yang dikenakan terhadap penggunaan data itu di negara asalnya dan di negara-negara lain yang mungkin akan menggunakan.

Anda boleh menggunakan maklumat peribadi tentang pengguna hanya bagi tujuan perniagaan yang sah dan dengan cara yang selaras dengan perwakilan yang telah dibuat oleh Mattel, seperti makluman kepada pengguna dalam pernyataan kerahsiaan dalam talian Mattel.

Ingat



Anda tidak boleh mengutip maklumat peribadi secara dalam talian daripada kanak-kanak bawah umur 13 tahun kecuali dalam situasi yang tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang melainkan anda mendapat kebenaran ibu bapa atau penjaga. Jika kita telah mengutip maklumat secara dalam talian daripada kanak-kanak bawah umur 13 tahun setelah mendapat kebenaran, atau menurut pengecualian yang sah dari segi undang-undang, kita hendaklah menghapuskannya daripada rekod kita setelah luputnya alasan mendapatkannya.

 **Komitmen kita terhadap kualiti dan keselamatan produk merupakan kunci kejayaan perniagaan Mattel.”**

Tanggungjawab Kita

Periklanan Dan Promosi

Aktiviti promosi jenama dan produk Mattel, seperti aktiviti periklanan, pembungkusan, peragaan di tempat jualan, program promosi dan cabutan bertuah Mattel mestilah mematuhi semua undang-undang dan mendukung reputasi Mattel sebagai syarikat yang jujur dan berintegriti.

Kita ikuti piawaian keadilan komersial yang tinggi dalam iklan dan promosi. Kita tunjukkan ciri, kualiti dan prestasi produk Mattel secara adil dalam segala iklan dan pada segala bungkusan dengan mengambil kira umur khalayak sasaran. Kita tidak menyalah nyatakan fakta atau memberikan maklumat yang palsu atau yang menipu mengenai produk Mattel, atau mengenai produk pesaing.

Kita haruslah mempertimbangkan reputasi Mattel apabila kita menilai peluang promosi, seperti penajaan acara dan promosi anjuran bersama yang lain dengan rakan-rakan niaga. Sebagai contoh, janganlah kita kaitkan nama Mattel dengan sesiapa atau dengan mana-mana organisasi jika hubungan tersebut boleh merosakkan reputasi Mattel, atau dengan mana-mana produk, perkhidmatan atau aktiviti yang dimaksudkan untuk kanak-kanak jika tidak selamat atau tidak sesuai bagi kanak-kanak.

Tahukah anda



Undang-undang tentang periklanan kepada kanak-kanak berbeza mengikut tempat. Di Amerika Syarikat, Mattel mengikuti Garis Panduan Unit Kajian Semula Periklanan Kanak-kanak (Children's Advertising Review Unit – "CARU") oleh Better Business Bureaus. Garis Panduan ini menetapkan piawaian untuk memastikan bahawa periklanan kepada kanak-kanak tidak menipu, tidak mempunyai unsur tidak adil atau tidak sesuai dengan mengambil kira sifat kanak-kanak yang mudah terpengaruh.



Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab Kita kepada Pemegang Saham

Melindungi Aset Mattel

Semua pekerja dan Pengarah sama-sama bertanggungjawab melindungi aset Mattel (merangkumi aset fizikal, aset kewangan, harta intelektual dan maklumat sulit) daripada dicuri, hilang, rosak, disalah guna atau dibazirkan.

Pekerja yang menggunakan harta syarikat, seperti kenderaan dan komputer riba, haruslah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan keselamatannya dan penggunaannya yang betul.

Aset syarikat tidak boleh digunakan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang, atau demi manfaat peribadi (melainkan dibenarkan dalam aturan imbuhan yang diluluskan oleh syarikat). Penggunaan peribadi aset syarikat secara sampingan, seperti telefon, komputer peribadi dan mesin fotokopi, dibenarkan selagi penggunaan sedemikian tidak mengganggu tugas pekerja, tidak dibuat untuk keuntungan kewangan, tidak bercanggah dengan perniagaan Mattel dan tidak melanggar mana-mana Dasar Mattel atau undang-undang yang dikenakan.

Kita haruslah melindungi keselamatan sistem komputer dan data elektronik Mattel dengan membenarkan penggunaan hanya oleh orang yang diberi kuasa, dan dengan menggunakan kata laluan dengan betul.

Soal Jawab

Soalan: Seorang pekerja mendapati bahawa invois-invois daripada penjual kadangkala tidak sepadan dengan dokumen yang diluluskan oleh penyelianya untuk tujuan pembayaran. Apabila ditanya mengenai perbezaan ini, penyelia tersebut menjamin bahawa semuanya teratur tetapi pekerja tersebut masih terasa tidak selesa. Haruskah dia memproses invois-invois tersebut atau haruskah dia melaporkan keraguannya?

Jawapan: Dia haruslah menghubungi Jabatan Audit Dalaman, Jabatan Undang-undang, atau Talian Etika untuk melaporkan keraguannya. Ingat, anda boleh merahsiakan nama anda semasa menghubungi Talian Etika, dan Mattel tidak akan membiarkan tindakan membala dendam terhadap pekerja yang secara ikhlas melaporkan keraguannya tentang hal etika.



Tanggungjawab Kita

• Komitmen dan Perbelanjaan

Mattel mengamalkan Dasar yang memberi kuasa, dan menetapkan keperluan mengkaji dan meluluskan komitmen dan perbelanjaan. Garis panduan ini dikenakan terhadap semua perbelanjaan kewangan (termasuklah perbelanjaan modal), dan terhadap semua perjanjian yang mengikat sumber Mattel dan mentakrifkan kegiatan perniagaannya.

Antara contoh komitmen yang tertakluk kepada garis panduan ini ialah:

- Perjanjian lesen
- Perjanjian dengan perunding, wakil jualan, pengedar dan pembekal
- Perjanjian untuk mendapatkan perkhidmatan
- Usaha sama atau perjanjian strategik yang lain
- Pelaburan dan pemerolehan, dan
- Pemajakan atau penjualan aset korporat

• Kuasa Membuat Perjanjian

Hanya pegawai Mattel (pada amnya, mereka yang berpangkat Naib Presiden ke atas) diberi kuasa membuat perjanjian bagi pihak Mattel, dan kuasa ini mestilah digunakan selaras dengan garis panduan. Kita masing-masing bertanggungjawab mengetahui garis panduan ini, memahami skop kuasa kita, dan memastikan bahawa kita tidak membuat komitmen (termasuklah secara lisan) yang melebihi kuasa kita.



**Hanya pegawai Mattel (pada amnya,
mereka yang berpangkat Naib Presiden
ke atas) diberi kuasa membuat
perjanjian bagi pihak Mattel.”**

Tanggungjawab Kita

• Harta Intelektual dan Maklumat Sulit

Harta Intelektual Mattel ialah salah satu asetnya yang paling penting. Antara contoh harta intelektual ialah:

- Tanda dagang
- Rupa barang dagang
- Nama dagang
- Rahsia perdagangan
- Hak cipta
- Paten
- Nama domain
- Internet

Penggunaan atau rujukan yang sumbang kepada harta intelektual Mattel, termasuklah yang ada dalam iklan, bungkusan, surat-menyurat dan kontrak, boleh menggugat hak Mattel terhadap aset-aset ini. Untuk melindungi hak Mattel, kita haruslah sentiasa mengikuti garis panduan syarikat mengenai cara betul menggunakan harta intelektual, dan menghubungi Jabatan Undang-undang jika kita ragu-ragu.

Maklumat sulit ialah maklumat mengenai perniagaan Mattel yang belum diumumkan oleh Mattel. Antara contoh maklumat sulit ialah:

- Maklumat tentang hasil pendapatan
- Maklumat tentang keuntungan dan unjuran keuntungan
- Maklumat mengenai pemerolehan, pemberhentian pelaburan dan pelaburan yang mungkin akan berlaku
- Maklumat tentang produk baru
- Maklumat peribadi mengenai pekerja
- Proses pengilangan
- Rancangan pemasaran
- Usaha perekaan bentuk dan perkembangan
- Maklumat peribadi mengenai pengguna

Para pekerja dan Pengarah tidak dibenarkan membincangkan maklumat sulit dengan sesiapapun yang tidak terikat untuk menjaga kerahsiaan maklumat tersebut, dan hendaklah berhati-hati supaya tidak berbincang mengenai maklumat sulit di tempat-tempat awam seperti di dalam kapal terbang, restoran dan lif.

Sesetengah jenis maklumat sulit juga merupakan rahsia perdagangan. Lihatlah **Dasar Harta Intelektual dan Maklumat Sulit**.

Pencurian atau penggunaan harta intelektual dan maklumat sulit milik Mattel tanpa izin boleh memberi kesan yang besar terhadap perniagaan Mattel. Oleh itu, melindungi harta intelektual dan maklumat sulit Mattel ialah salah satu tanggungjawab yang terpenting bagi pekerja Mattel. Kewajipan ini berterusan walaupun selepas tamatnya tempoh perjawatan.

Mattel menghormati hak terhadap harta intelektual dan maklumat sulit milik orang lain. Kita haruslah melindungi maklumat sulit orang lain daripada dicuri, disalah guna atau didedahkan tanpa izin sama seperti kita melindungi maklumat sulit Mattel.

 **Melindungi harta intelektual dan maklumat sulit Mattel ialah salah satu tanggungjawab yang terpenting bagi pekerja Mattel. Kewajipan ini berterusan walaupun selepas tamatnya tempoh perjawatan."**

Ingin



Jika anda menyimpan maklumat sulit di dalam komputer riba anda yang dikeluarkan oleh Mattel semasa merantau atau bekerja dari rumah, pastikan anda memindahkan fail-fail tersebut ke rangkaian Mattel dengan secepat mungkin dan menghapusnya daripada komputer riba anda.

Soal Jawab

Soalan: Saya akan meninggalkan Mattel untuk bekerja dengan syarikat lain. Semasa bekerja dengan Mattel, saya banyak menyediakan laporan dalaman dan menggunakan templat yang ingin saya gunakan di tempat kerja saya yang baru. Bolehkah saya mengambil salinan bahan-bahan ini bersama saya untuk digunakan dalam pekerjaan saya yang baru?

Jawapan: Tidak boleh. Laporan, pembentangan, templat dan semua dokumen dalaman Mattel yang lain yang mengandungi maklumat yang tidak diketahui umum, sama ada ditandai "Maklumat Sulit" atau "Rahsia Perdagangan" ataupun tidak, ialah hak milik Mattel. Anda tidak boleh membawa salinan bahan-bahan ini bersama anda apabila anda meninggalkan Mattel.



Tanggungjawab Kita



Ingat

Apabila menyediakan laporan yang mengandungi maklumat sulit, anda perlu melabel setiap halaman laporan tersebut dengan pernyataan kerahsiaan. Setidak-tidaknya, pernyataan tersebut perlu menyatakan: "Maklumat Sulit Mattel / Mungkin Mengandungi Rahsia Perdagangan"



Ingat

Jika anda diberi kuasa menggunakan media sosial bagi pihak Mattel, ingatlah bahawa apa-apa yang anda siarkan dapat dilihat oleh orang awam dan tidak boleh mengandungi maklumat sulit.

Soal Jawab

Soalan: Baru-baru ini, saya makan tengah hari dengan seorang rakan yang pernah bekerja dengan Mattel. Dia bertanya tentang kemajuan sebuah projek yang dikendalikannya sebelum dia meninggalkan Mattel. Bolehkah saya memberitahunya maklumat ini?

Jawapan: Adalah kebiasaan sebagai seorang bekas pekerja untuk ingin tahu tentang status projek yang dikendalikannya dahulu, namun anda tidak boleh berkongsi apa-apa maklumat sulit dengan sesiapapun di luar Mattel, selain rakan niaga yang perlu tahu dan telah menandatangani Perjanjian Kerahsiaan.

Soalan: Semasa membersihkan bilik fail pejabat, kami menjumpai sampel dan prototaip produk yang tidak lagi digunakan. Bolehkah kami membawanya pulang atau mendermakannya kepada badan amal?

Jawapan: Sampel dan prototaip ialah harta intelektual milik Mattel yang berharga, dan bukannya milik mana-mana pekerja. Barang-barang ini tidak boleh dibawa pulang oleh pekerja dan tidak boleh didermakan kepada badan amal. Untuk memelihara idea dan reka bentuk produk, Mattel mengadakan prosedur penyimpanan semua barang yang mendokumentari reka bentuk dan penghasilan produk, termasuklah lukisan konsep dan nota sumbang saran, serta sampel dan prototaip. Anda hendaklah mengikuti prosedur-prosedur ini bagi sampel dan prototaip di dalam bilik fail.

Soalan: Dalam perjalanan ke suatu pameran alat mainan, saya terserempak dengan seorang penjual yang sudah berminggu-minggu saya cuba atur janji temu dengannya. Kami berpeluang duduk bersama di atas kapal terbang, dan kami berjaya menyelesaikan banyak urusan perniagaan. Adakah ini cara baik menjalankan perniagaan Mattel?

Jawapan: Walaupun niat anda baik, mengadakan mesyuarat di atas kapal terbang (atau di mana-mana tempat awam yang boleh didengari orang lain) membawa risiko kepada maklumat sulit Mattel. Anda sepatutnya mengatur masa yang sesuai supaya kedua-dua pihak dapat bertemu di tempat yang lebih sulit.

Tanggungjawab Kita

Maklumat Orang Dalam dan Perdagangan Sekuriti

Semua maklumat tentang Mattel dan tentang rakan niaga Mattel yang tidak diketahui umum dan yang diperoleh semasa kita bekerja dengan Mattel haruslah dianggap sebagai maklumat sulit.

Para pekerja dan Pengarah tidak dibenarkan menggunakan mahupun berkongsi maklumat sulit bagi tujuan mendagangkan sekuriti Mattel atau syarikat lain, atau atas sebab-sebab selain menjalankan perniagaan Mattel.

Menggunakan maklumat begini untuk mendapatkan keuntungan kewangan sendiri atau memberi maklumat kepada orang lain yang mungkin akan berbuat demikian bukan sahaja perbuatan yang tidak beretika tetapi juga menyalahi undang-undang.

Para pekerja dan Pengarah haruslah memahami dan mengikuti **Dasar Perdagangan Orang Dalam** Mattel, dan haruslah menghubungi Jabatan Undang-undang jika ragu-ragu.

Komunikasi dengan Pelabur

Hanya pegawai dan Pengarah yang tertentu yang dilantik dari semasa ke semasa sahaja dibenarkan berhubung dengan pelabur dan pakar pasaran sekuriti (termasuklah broker, juruanalisis dan pakar pasaran yang lain) tentang apa jua hal yang berkaitan dengan perniagaan Mattel.

Pekerja atau Pengarah yang lain tidak dibenarkan melakukan komunikasi begini. Permohonan maklumat haruslah dirujuk kepada Jabatan Perhubungan Pelabur.

Soal Jawab

Soalan: Bagaimanakah saya tahu sama ada sesuatu maklumat itu “penting”?

Jawapan: Tanyalah diri sendiri sama ada maklumat tersebut membuatkan anda terfikir untuk membeli atau menjual saham Mattel atau saham syarikat lain ataupun tidak. Jika jawapannya “YA,” besar kemungkinan kesannya sama terhadap orang lain, dan oleh itu, maklumat itu barangkali penting. Jika anda kurang pasti sama ada sesuatu maklumat itu penting ataupun tidak, atau telah diumumkan kepada orang awam ataupun tidak, hubungi Jabatan Undang-undang Mattel sebelum berdagang.

Soalan: Anda diminta menyertai mesyuarat dengan bakal rakan niaga untuk menerangkan suatu produk yang masih belum selesai direka. Selepas itu, penyelia anda memberitahu anda bahawa urus janji tersebut sudah pasti berada dalam tangan dan akan diumumkan tidak lama lagi. Berdasarkan maklumat tersebut, anda ingin membeli saham Mattel. Adakah ini akan melanggar undang-undang perdagangan orang dalam?

Jawapan: Ya, kerana maklumat tersebut ialah maklumat penting yang belum lagi diumumkan. Anda tidak boleh mendagangkan saham Mattel atau saham syarikat lain sehingga pengumuman dibuat dan setelah orang awam sempat memahami maksud maklumat tersebut.



Tanggungjawab Kita

Ketepatan Rekod, Laporan Awam dan Makluman Syarikat

Mattel komited terhadap usaha mendedahkan maklumat dengan sepenuhnya, adil, lengkap, tepat, menepati waktu dan boleh difahami, dan ini merangkumi maklumat kewangan dalam laporan yang difailkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Dan Bursa dan dalam makluman awam yang lain, selaras dengan undang-undang, kaedah dan peraturan yang dikenakan.

Buku, rekod dan akaun kewangan mestilah disimpan secara terperinci untuk menggambarkan transaksi dan peristiwa secara tepat, agar selaras dengan keperluan undang-undang dan perakaunan yang dipakai dan dengan sistem kawalan dalaman Mattel. Untuk memenuhi tanggungjawab kita membuat keputusan yang baik, maklumat tentang perniagaan dan transaksi perlu dicatatkan dan direkodkan secara jujur dan tepat, dan ini merangkumi rekod tentang kualiti, keselamatan dan kakitangan, dan juga maklumat tentang transaksi dan rekod kewangan.

Pemalsuan mana-mana rekod atau laporan kewangan, seperti data tentang kualiti dan keselamatan, laporan masa atau laporan perbelanjaan, akan mengakibatkan tindakan disiplin diambil dengan segera.

Lihat bahagian "Cara Mendapatkan Bantuan Dan Mengemukakan Keraguan" untuk mendapatkan maklumat tentang prosedur mengemukakan keraguan tentang hal-hal perakaunan dan pengauditan.



Komunikasi Perniagaan

Segala komunikasi (walaupun yang mungkin kita anggap sebagai "sulit" atau "peribadi") boleh diketahui umum, dan oleh itu semua surat-menyerat hendaklah jelas dan tepat. Janganlah kita membesar-besarkan cerita, menggunakan bahasa yang tidak sopan, menggambarkan sesuatu dengan hina, dan melainkan anda anggota Jabatan Undang-undang, membuat kesimpulan undang-undang. Garis panduan ini dikenakan terhadap semua jenis komunikasi, termasuklah e-mel.

Penyimpanan Rekod


Kita haruslah mengikuti Dasar dan prosedur Mattel tentang penyimpanan rekod, dan mengikuti arahan Jabatan Undang-undang tentang penyimpanan dokumen yang berhubung dengan litigasi atau siasatan kerajaan.

Soal Jawab

Soalan: Selepas menerima kelulusan bertulis daripada Jabatan Undang-undang, anda membawa beberapa pegawai asing keluar makan malam. Sekarang, anda menyediakan laporan perbelanjaan dan anda bercadang untuk merekodkan perbelanjaan tersebut sebagai makan malam untuk diri anda dan beberapa rakan niaga yang lain. Adakah ini memadai?

Jawapan: Tidak. Supaya keperluan penyimpanan rekod Akta Amalan Rasuah Asing dipatuhi, anda mestilah merekodkan perbelanjaan tersebut dengan tepat dan lengkap sebagai makan malam bersama pegawai asing, dengan memasukkan nama dan jawatan setiap orang yang hadir dan tujuan mesyuarat tersebut diadakan.

Ingin



Perbuatan yang betul menurut undang-undang boleh nampak mencurigakan disebabkan pemilihan kata yang kurang baik. Semua komunikasi yang rasmi haruslah ditulis dengan nada dan cara yang profesional.

Berfikirlah sebelum menaip dan semak semula mesej anda sebelum anda menekan "hantar."

Tahukah anda

Jabatan Undang-undang mengadakan latihan secara tetap mengenai cara menyediakan komunikasi syarikat, termasuklah rancangan strategik dan rancangan perniagaan yang lain. Hubungilah Jabatan Undang-undang untuk mendapatkan maklumat selanjutnya atau untuk menjadualkan sesi latihan.



Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab Kita kepada Rakan Niaga

Berurusan dengan Orang Lain

Mattel mendapat manfaat daripada hubungan niaganya dengan orang lain yang berkongsi nilai-nilai kita. Kita membina hubungan dengan rakan niaga (penjual, pembekal, pengedar, pengeluar lesen, pemegang lesen, rakan usaha sama dan sebagainya) berdasarkan integriti, kelakuan yang beretika dan yang sah di sisi undang-undang, dan sikap saling mempercayai. Kita ingin berurus niaga dengan pelanggan dan pembekal yang mencerminkan kepelbagaiannya komuniti sedunia yang menjadi tempat kita beroperasi.

Berurusan Secara Adil

Para pekerja dan Pengarah hendaklah berurusan secara adil dengan pelanggan, pembekal, dan pekerja Mattel. Kita tidak boleh mempergunakan sesiapapun secara tidak adil melalui manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat sulit, penyalahnyataan fakta penting atau mana-mana amalan tidak wajar yang lain yang tidak memenuhi piawaian keadilan perniagaan yang diterima.

Lihatlah bahagian "Tanggungjawab Kita Untuk Bersaing Dengan Adil."

Amalan Perkilangan dan Pengedaran Yang Bertanggungjawab

Mattel berusaha memastikan bahawa produknya dikilangkan dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika. Prinsip Perkilangan Global (Global Manufacturing Principles – "GMP") kita ialah tunjang komitmen kita terhadap amalan perkilangan dan pengedaran yang bertanggungjawab di seluruh dunia.

GMP dikenakan terhadap semua pihak yang mengilang atau memasang mana-mana produk atau bungkusan yang menunjukkan logo Mattel. GMP menangani isu-isu yang berkaitan dengan keadaan hidup dan pekerjaan serta kelestarian alam sekitar, dan berperanan sebagai dasar program audit Tanggungjawab Korporat Mattel. Selain itu, Mattel giat menyokong Proses CARE oleh Majlis Antarabangsa Industri-industri Mainan, iaitu program pengilangan beretika bagi industri alat mainan global.



Kita membina hubungan dengan rakan niaga berdasarkan integriti, kelakuan yang beretika dan yang sah di sisi undang-undang, dan sikap saling mempercayai.”



Ingat

“Rakan niaga” seperti yang digunakan dalam Tatakelakuan ini merangkumi pembekal, penjual, pengedar, pelanggan, pengeluar lesen, pemegang lesen dan rakan usaha sama.

Soal Jawab

Soalan: Seorang bakal pembekal berminat melakukan kerja untuk Mattel. Dalam proses pembidaan yang terakhir, dia meminta anda berkongsi dengannya harga terendah yang ditawarkan oleh pembida-pembida lain. Bolehkah anda memberitahunya tawaran pembida-pembida yang lain?

Jawapan: Jika para pembida telah diminta menghantar bidaan secara sulit, anda tidak boleh mendedahkan maklumat mengenai tawaran pembida lain kepada pembida ini. Jika anda berkongsi maklumat ini, anda akan memberikan peluang yang tidak adil kepada pembida tersebut yang akan menjelaskan pembida yang lain dan menggagalkan seluruh proses pembidaan.



Prinsip Perkilangan Global kita ialah tunjang komitmen kita terhadap amalan perkilangan dan pengedaran yang bertanggungjawab di seluruh dunia.”



Tanggungjawab Kita

Amalan Pembelian

Semua pembekal haruslah dilayan secara adil, beretika dan saksama. Pembekal Mattel hendaklah dipilih berdasarkan faktor-faktor kesesuaian, kualiti, harga, dan penghantaran.

Pekerja yang terlibat dengan tugas mengkaji dan memilih pembekal, penjual dan penyedia perkhidmatan haruslah mengelakkan perbuatan yang menunjukkan atau membayangkan bahawa keputusan akan dipengaruhi oleh hadiah atau budi baik, atau oleh hubungan peribadi atau keluarga.

Pelanggan Kerajaan

Kebanyakan negara dan kawasan mempunyai peraturan, sekatan dan prosedur khas tentang cara berurus niaga dengan pelanggan kerajaan (termasuk perusahaan milik kerajaan). Ini mungkin merangkumi keperluan pendedahan yang lebih baik dalam perundingan kontrak, prosedur pengebilian atau penghantaran yang khas atau pembatasan secara ketat terhadap hadiah, perjalanan dan keraian yang boleh dihulurkan kepada kakitangan kerajaan. Semua pernyataan dan perwakilan kepada pegawai pemerolehan kerajaan mestilah tepat dan benar.

Soal Jawab

Soalan: Saya memiliki kepentingan kewangan yang kecil dalam syarikat yang telah bertahun-tahun membekalkan bahan kepada Mattel. Saya kini memegang jawatan baru di Mattel dan diberi kuasa membuat keputusan yang berkaitan dengan pembelian bahan-bahan ini. Adakah saya berhadapan dengan kemungkinan berlakunya konflik kepentingan?

Jawapan: Konflik kepentingan boleh berlaku kerana anda terlibat dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan pembelian bahan daripada pembekal.

Anda perlu mendedahkan konflik ini kepada penelia anda dan kepada Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda dan mereka akan membantu anda menangani konflik ini dengan mengalihkan tanggungjawab membuat keputusan yang berkaitan dengan pembekal ini kepada pekerja lain yang tidak mempunyai konflik.



Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab Kita Untuk Bersaing Dengan Adil

Mengutip Maklumat Persaingan

Mattel tidak ingin memperoleh maklumat persaingan dengan cara yang tidak sah atau tidak beretika, dan kita tidak akan sengaja menggunakan maklumat sedemikian.

Mana-mana pekerja yang mendapat tahu bahawa Mattel memiliki maklumat yang mungkin diperoleh secara tidak sah atau tidak beretika, seperti maklumat yang diberikan kepada kita dengan cara yang melanggar perjanjian kerahsiaan, hendaklah segera memberitahu Jabatan Undang-undang. Pekerja itu haruslah menyerahkan maklumat tersebut kepada anggota Jabatan Undang-undang tanpa memberitahunya kepada pekerja Mattel yang lain.

Pesaingan Yang Adil dan Antipakat

Mattel berusaha untuk bersaing secara agresif dan adil dalam setiap pasaran di tempat Mattel beroperasi. Untuk bersaing secara adil, kita mestilah mematuhi undang-undang persaingan dan antipakat setiap negara, negeri dan kawasan yang menjadi tempat Mattel menjalankan perniagaan.

Undang-undang antipakat digubal untuk melarang perjanjian dalam kalangan syarikat yang akan menetapkan harga, membahagi-bahagikan pasaran, mengagih-agihkan pelanggan, mengehadkan pengeluaran ataupun menghalang atau menghapuskan kuasa pasaran dengan cara lain.

Misalnya, undang-undang ini dikenakan terhadap:

- Perjanjian dengan pelanggan berhubung dengan harga runcit, atau
- Perjanjian dengan pelanggan bahawa Mattel tidak akan menjual kepada pelanggan lain atau bahawa Mattel akan menghadkan jualan produk tertentu kepada pelanggan lain.

Selain itu, janganlah kita bertukar-tukar atau berbincang dengan pelanggan tentang maklumat pelanggan lain mengenai dasar peletakan harga, penawaran produk, strategi pemasaran pelanggan atau maklumat persaingan yang lain seumpamanya.

Kita hendaklah sentiasa mendapatkan nasihat Jabatan Undang-undang sebelum bersetuju menjalankan sebarang perkhidmatan pengurusan kategori untuk pelanggan yang mungkin akan mendedahkan kita kepada maklumat sulit milik pesaing tentang harga, produk, strategi pemasaran atau apa-apa maklumat perniagaan yang lain.

Persatuan perdagangan selalunya berguna bagi perniagaan Mattel tetapi persatuan begini boleh mewujudkan peluang perbincangan dalam kalangan pesaing yang boleh melanggar undang-undang antipakat. Mana-mana pekerja yang menyertai mesyuarat persatuan perdagangan atau mesyuarat lain haruslah meninggalkan mesyuarat itu jika perbincangan beralih kepada hal-hal persaingan atau maklumat sulit, dan pekerja itu haruslah memberitahu Jabatan Undang-undang.

Ingat



Kita bersaing untuk mendapatkan pelanggan melalui harga yang kompetitif, perkhidmatan dan sokongan pelanggan.

Pastikan Dan Elakkan



Elakkan perbincangan mengenai maklumat persaingan – misalnya tentang harga, margin keuntungan, angka jualan – dengan pekerja syarikat pesaing dalam apa jua keadaan, termasuklah semasa mesyuarat persatuan perdagangan dan profesional.

Pastikan bahawa aturan eksklusif yang mungkin besar kesannya terhadap persaingan diluluskan oleh Jabatan Undang-undang.

Bidang undang-undang ini adalah kompleks. Pekerja boleh meminta Jabatan Undang-undang memberikan panduan dan sokongan selanjutnya.

Elakkan perbuatan meminta pelanggan menyetujui atau memberikan jaminan mengenai harga sebenar yang akan dikenakan oleh pelanggan itu.

Elakkan perbuatan mengugut pelanggan dengan akibat yang buruk, seperti mengurangkan bekalan produk yang popular, jika pelanggan tidak meletakkan harga yang tertentu.

Tahukah anda



Jabatan Undang-undang menyediakan latihan secara tetap mengenai kepatuhan undang-undang antipakat dan persaingan asing Amerika Syarikat, termasuklah pembentangan dan garis panduan bertulis seperti “pastikan dan elakkan” mengenai isu-isu lazim yang mempengaruhi persaingan. Hubungilah Jabatan Undang-undang untuk mendapatkan maklumat selanjutnya atau untuk menjadualkan sesi latihan.



Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab Kita kepada Komuniti

Khidmat Masyarakat

Program Kedermawanan Mattel dapat memperbaik kehidupan kanak-kanak yang serba kekurangan dengan pelbagai cara, termasuklah dengan sumbangan wang dan produk, aktiviti sukarela pekerja yang teratur dan program-program lain yang dikendalikan oleh Yayasan Kanak-kanak Mattel.

Persekutuan dan Kelestarian

Mattel berusaha melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja, dan menghadkan kesan kita terhadap alam sekitar. Kita patuhi semua undang-undang alam sekitar di mana-mana sahaja kita beroperasi, dan kita sertakan piawaian alam sekitar, kesihatan dan keselamatan dengan operasi perniagaan kita untuk mengurangkan risiko, mengehadkan kesan dan menyediakan tempat kerja yang selamat.

Makluman kepada pihak Media

Untuk memastikan bahawa maklumat yang disampaikan kepada orang awam adalah tepat dan konsisten, semua maklumat kepada pihak media haruslah diselaraskan dengan Jabatan Komunikasi Korporat. Pekerja tidak dibenarkan bercakap dengan pihak media tanpa mendapatkan kebenaran daripada Komunikasi Korporat terlebih dahulu. Mana-mana pekerja yang dihubungi oleh ahli media haruslah merujukkan pertanyaan tersebut kepada Komunikasi Korporat.

Komunikasi dengan pelabur dan dengan masyarakat kewangan juga dilarang. Lihat bahagian "Tanggungjawab Kita Kepada Pemegang Saham."

Tahukah anda



Strategi Kelestarian Global Mattel dilaksanakan untuk mengurangkan kesan yang kita tinggalkan terhadap alam sekitar melalui rantai nilai, iaitu daripada reka bentuk sehingga pengilangan dan seterusnya sehingga tahap pembuangan produk dan sisa, dan menunjukkan kepentingan komitmen peribadi dalam perniagaan dan dalam amalan harian.



Ingin

Garis panduan ini juga merangkumi penggunaan media sosial. Pekerja yang bercakap kepada orang awam bagi pihak Mattel mestilah diberi kuasa berbuat demikian. Jika anda ingin bercakap bagi pihak Mattel melalui pelantar media sosial, anda mestilah diberi kuasa oleh pihak pengurusan anda dan anda mestilah mengikuti garis panduan perniagaan dan peraturan penglibatan yang digunakan oleh pihak pengurusan anda bagi komunikasi tersebut.

Jika anda diberi kuasa untuk bercakap melalui media sosial bagi produk, jenama atau tujuan perniagaan lain yang khusus, anda tidak boleh bercakap mengenai topik, tema, acara dan sebagainya yang tidak selaras dengan garis panduan kandungan bagi kuasa tersebut. Hanya jurucakap yang dilantik secara khususnya sahaja yang boleh bercakap bagi pihak Mattel tentang hal-hal korporat yang luas (contohnya, tentang Dasar atau hal-hal kewangan) atau tentang isu-isu sosial awam.

Mengubah dengan cara yang bermakna, seorang demi seorang kanak-kanak.

Wawasan Kedermawanan Mattel

Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab Kita kepada Kerajaan dan Kepatuhan Undang-undang

Para pekerja dan Pengarah mestilah mematuhi undang-undang, kaedah dan peraturan di mana-mana tempat Mattel menjalankan perniagaan.

Setiap pekerja bertanggungjawab memahami kesan undang-undang dan Tatakelakuan ini terhadap pekerjaan mereka. Mana-mana pekerja yang meragui atau kurang pasti tentang kesahihan sesuatu perbuatan haruslah menghubungi Jabatan Undang-undang untuk mendapatkan nasihat.

Undang-undang Mana Yang Harus Dipakai?

Mattel, Inc. diperbadankan di Amerika Syarikat. Undang-undang Amerika Syarikat selalunya merangkumi operasi Mattel di seluruh dunia, dan juga aktiviti perniagaan pekerja Mattel di mana-mana sahaja kita tinggal dan bekerja.

Sebagai syarikat global, operasi Mattel mungkin dikawal atur oleh beberapa undang-undang yang berlainan pada masa yang sama. Undang-undang yang dipakai di dua negara atau lebih mungkin bercanggahan. Pekerja yang merasakan bahawa mungkin ada percanggahan haruslah meminta nasihat Jabatan Undang-undang.

Tatakelakuan ini bertujuan menggalakkan kepatuhan undang-undang dan peraturan yang dikenakan terhadap perniagaan Mattel. Walau bagaimanapun, jika kita dapat bahawa kepatuhan Tatakelakuan ini mungkin menyebabkan kita melanggar undang-undang, kita mestilah mematuhi undang-undang dan meminta nasihat Jabatan Undang-undang dengan secepat mungkin. Sebaliknya, jika adat atau amalan perniagaan tempatan akan menyebabkan kita melanggar Tatakelakuan ini, kita mestilah mematuhi Tatakelakuan dan memberitahu penyelia kita tentang percanggahan itu.



Sebagai syarikat **global, operasi Mattel mungkin dikawal atur oleh beberapa **undang-undang** yang berlainan pada masa yang sama.”**

Tanggungjawab Kita

Kegiatan Politik

Aset milik Mattel tidak boleh digunakan untuk menyokong mana-mana kumpulan politik atau kegiatan politik yang lain tanpa mendapatkan kelulusan Jabatan Hal Ehwal Kerajaan terlebih dahulu. Ini merangkumi penggunaan kemudahan, kelengkapan pejabat, bekalan dan inventori milik Mattel dan juga waktu kerja kita.

Kegiatan politik oleh syarikat, termasuk melobi, dikawal atur dan mestilah dilaporkan menurut undang-undang Amerika Syarikat dan menurut undang-undang di banyak negara yang menjadi tempat Mattel menjalankan perniagaan. Supaya tidak melanggar undang-undang ini secara tidak sengaja, semua kegiatan politik dan melobi haruslah dibincangkan dan diselaraskan dengan Jabatan Hal Ehwal Kerajaan dan Jabatan Undang-undang.

Mattel komited terhadap semangat kewargaan dan penglibatan dengan masyarakat, dan menggalakkan pekerja menyumbang masa dan memberikan sokongan mereka kepada calon, parti dan organisasi awam. Walaupun bagaimanapun, penglibatan diri kita sendiri mestilah sukarela sepenuhnya dan mestilah dilakukan di luar waktu kerja dan atas perbelanjaan kita sendiri.

Tahukah anda



Jabatan Hal Ehwal Kerajaan dan Jabatan Undang-undang Mattel bertanggungjawab menyelaraskan semua aktiviti melobi, termasuklah mengupah pelobi. Menurut Dasar Mattel, sebagai sebahagian daripada proses penglibatan, Borang Permohonan dan Soal Selidik Kajian Penelitian hendaklah diisi.



Tanggungjawab Kita

Undang-undang Cegah Rasuah

Kita mestilah mematuhi undang-undang Amerika Syarikat dan negara lain yang melarang semua jenis sogokan, termasuk sogokan komersial dan sogokan kepada pegawai kerajaan. Kita tidak boleh menghulurkan atau menerima apa-apa sahaja yang bernilai yang dimaksudkan untuk mempengaruhi hubungan perniagaan atau hubungan kerajaan dengan cara yang tidak patut atau yang mungkin akan menimbulkan tanggapan salah laku. Undang-undang Amerika Syarikat juga mewajibkan akaun dan rekod yang tepat supaya semua bayaran dicatatkan dengan betul.

Rakan-rakan niaga Mattel (penjual, pembekal, pengedar, pengeluar lesen, pemegang lesen, rakan usaha sama dan sebagainya) juga mungkin dikehendaki mematuhi undang-undang ini. Kita haruslah menjalankan kajian penelitian apabila memilih rakan niaga dan mengelakkan hubungan dengan pihak yang mempunyai sejarah amalan rasuah.

Undang-undang cegah rasuah adalah kompleks, dan akibat pencabulannya sangat berat. Untuk mengelakkan masalah, kita haruslah mendapatkan nasihat Jabatan Undang-undang sebelum berurusan dengan pegawai kerajaan, termasuklah tawaran makan minum, perjalanan atau keraian. Kita haruslah segera melaporkan sebarang pelanggaran keperluan yang disyaki kepada Jabatan Undang-undang.



Tanggungjawab Kita

Soal Jawab

Soalan: Apakah rasuah?

Jawapan: Rasuah ialah perbuatan menghulurkan, memberi, menerima atau meminta apa-apa sahaja yang bernilai dengan niat mempengaruhi tindakan penerimaanya dengan cara yang tidak berpatutan. "Rasuah komersial" berkait dengan pihak persendirian (individu atau syarikat) dan "rasuah kerajaan" berkait dengan pegawai kerajaan.

Soalan: Apakah maksudnya "apa-apa sahaja yang bernilai"?

Jawapan: "Apa-apa sahaja yang bernilai" luas maksudnya dan merangkumi makan minum, hadiah, perjalanan atau keraian.

Soalan: Bagaimanakah had US\$100 bagi hadiah rasmi dikenakan?

Jawapan: Selagi hadiah tersebut tidak bertujuan mempengaruhi keputusan yang sedang anda buat bagi pihak Mattel, dan hadiah tersebut mematuhi keperluan bahagian Konflik Kepentingan, anda bolehlah menerimanya. Untuk mendapat kepastian, tanyalah penyelia anda atau wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda sebelum menerima hadiah. Mereka dapat membantu anda menilainya secara objektif.

Soalan: Saya sedang mengatur mesyuarat perniagaan dengan beberapa pegawai kerajaan tempatan. Tempat yang paling sesuai bagi mesyuarat kami ialah sebuah restoran yang terletak di tengah-tengah perjalanan antara kilang Mattel dengan pejabat kerajaan, oleh itu saya berniat untuk mengajak pegawai-pegawai kerajaan ini keluar makan tengah hari. Bolehkah saya mempelawa mereka?

Jawapan: Undang-undang Amerika Syarikat (termasuklah Akta Amalan Rasuah Asing) dan undang-undang negara lain secara ketatnya melarang apa-apa sahaja yang bernilai (seperti hadiah, sumbangan, makan minum atau keraian) dihulurkan kepada pegawai kerajaan. Anda mestilah menghubungi Jabatan Undang-undang terlebih dahulu untuk mendapatkan kelulusan sebelum mengatur makan tengah hari ini.

Undang-undang yang berkaitan dengan perkara ini adalah kompleks. Janganlah anda melakukan analisis ini sendiri. Anda mestilah menghubungi Jabatan Undang-undang Mattel untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu sebelum menawarkan apa-apa sahaja yang bernilai (seperti hadiah, sumbangan, makan minum atau keraian) kepada pegawai kerajaan.

Soalan: Seorang warganegara asing dari negara anda menjalankan perniagaan mewakili Mattel dalam suatu urus janji perniagaan. Sebagai warganegara asing yang bukannya pekerja Mattel, adakah tindakan wakil ini bagi pihak Mattel tertakluk kepada Akta Amalan Rasuah Asing (Foreign Corrupt Practices Act – "FCPA")?

Jawapan: Ya. FCPA dikenakan terhadap semua orang, firma atau ejen firma yang bertindak bagi pihak Mattel. Mattel boleh dipertanggungjawabkan terhadap tindakan yang tidak berpatutan oleh rakan niaga yang bertindak bagi pihak Mattel.

Pastikan Dan Elakkan ✓

Pastikan pemeriksaan yang menyeluruh terhadap semua rakan niaga dilakukan sebelum mengambil khidmat mereka.

Pastikan invois dan perbelanjaan daripada pihak ketiga disemak dengan teliti.

Elakkan sangkaan bahawa bayaran atau hadiah kepada pegawai kerajaan itu tidak salah semata-mata kerana "semua orang pun melakukannya."

Elakkan percubaan mentafsir sendiri undang-undang atau andaian bahawa orang lain akan menghubungi Jabatan Undang-undang.

Para pekerja boleh mendapatkan panduan selanjutnya pada halaman Kepatuhan FCPA laman intranet Jabatan Undang-undang.



Bendera Merah

- Beroperasi di negara-negara yang telah dikenal pasti sebagai negara yang mengamalkan rasuah oleh Transparency International.
- Pihak ketiga yang khususnya disyorkan oleh pegawai kerajaan.
- Sikap kurang telus.
- Permintaan membayar dengan cara yang tidak lazim diikuti didalam perniagaan, misalnya bayaran berbentuk wang tunai.

Jika anda menemui mana-mana tanda amaran ini, anda hendaklah menghubungi Jabatan Undang-undang dengan segera.



Tahukah anda

"Bayangan salah laku" boleh berupa perbuatan yang nampaknya tidak salah, misalnya membawa seorang pegawai kerajaan keluar minum kopi, atau menerima pelawaan daripada pembekal anda yang terbesar untuk menghadiri sebuah jamuan makan malam yang mewah. Pastikan anda mendapat nasihat Jabatan Undang-undang dahulu sebelum memberikan sesuatu yang bernilai kepada pegawai kerajaan, ataupun nasihat Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda sebelum menghadiri jamuan makan yang mewah.



Tanggungjawab Kita

Pelaburan Wang Haram

Pelaburan wang haram berlaku apabila seseorang individu atau syarikat cuba menyembunyikan wang haram atau menampakkan seolah-olah sumber wang mereka itu sah. Mattel tidak membenarkan pekerjaanya atau sumbernya digunakan dalam kegiatan pelaburan wang haram. Mattel mematuhi semua undang-undang Amerika Syarikat dan antarabangsa yang menghalang pelaburan wang haram, yang menegah penerimaan atau pemprosesan hasil aktiviti jenayah (misalnya pengedaran dadah, perdagangan senjata, sogokan atau penipuan).

Kita hendaklah mengikuti prosedur asas “Kenali Pelanggan Anda” dan mematuhi Dasar Syarikat yang berkenaan dengan bentuk bayaran yang boleh diterima.



Tanggungjawab Kita

Perdagangan Antarabangsa

Amerika Syarikat dan negara-negara lain mengawal atur import dan eksport produk, bahan, perkhidmatan, maklumat dan teknologi secara ketatnya. Kita tidak boleh berurus niaga secara langsung ataupun tidak dengan negara, orang dan entiti yang telah dikenal pasti oleh Amerika Syarikat dan negara-negara lain sebagai pihak perdagangan terlarang (contohnya, negara larangan, perniagaan di negara larangan, pengganas dan pencambah nuklear). Kita mestilah mematuhi semua undang-undang, peraturan dan larangan yang dikenakan terhadap perdagangan, dan kita haruslah menghubungi Jabatan Undang-undang untuk mengemukakan sebarang keraguan.

Mattel tidak akan bekerjasama dengan amalan perdagangan yang menyekat atau boikot yang dilarang atau yang boleh dijatuhi hukuman menurut undang-undang Amerika Syarikat atau undang-undang tempatan yang dikenakan, seperti boikot terhadap negara yang berhubungan baik dengan Amerika Syarikat (seperti Israel) atau firma-firma tersenarai hitam. Permintaan yang berkaitan dengan boikot mestilah segera dilaporkan kepada Jabatan Undang-undang.

Kita juga mestilah mematuhi adat dan undang-undang serta peraturan import di semua negara yang kita lakukan eksport dan import. Ini dapat menjamin bahawa barang niaga yang diimport mematuhi keperluan kawal atur tempatan (termasuklah keperluan tentang keselamatan produk dan peraturan cegah keganasan) dan bahawa amaun duti dan cukai yang betul dikutip semasa import.

Prosedur “Mengenali Pelanggan Anda”

Lakukan kajian penelitian dengan betul sebelum berurus-niaga:

- Cari maklumat melalui Internet dan maklumat latar belakang yang lain, misalnya dengan menggunakan penggelintaran Dun & Bradstreet
- Kunjungi pejabat-pejabat pelanggan itu
- Dapatkan rujukan daripada pembekal lain kepada pelanggan itu
- Kaji penyata kewangan beraudit dan laporan tahunan pelanggan itu
- Lakukan penyaringan pelanggan menurut prosedur syarikat.



Ingin tahu

Mattel menghendaki semua bakal rakan-niaga dan calon pekerja seluruh dunia disaring sebelum mengambil khidmat mereka.

Para pekerja boleh mendapatkan panduan selanjutnya tentang prosedur penyaringan pada halaman Kepatuhan Undang-undang Sekatan Perdagangan di laman intranet Jabatan Undang-undang.



Tahukah anda

Semua lokasi Mattel dikehendaki menjawab Soal Selidik Kepatuhan Antiboikot tahunan.



Cara Mendapatkan
Bantuan dan
Mengemukakan Keraguan

3



MATTEL

Cara Mendapatkan Bantuan dan Mengemukakan Keraguan

Am

Apabila berhadapan dengan keputusan yang melibatkan etika, anda harus bertanya diri sendiri soalan-soalan ini:

Apakah isu etika yang terlibat?

Mulakan dengan mengenal pasti masalahnya. Apakah tentang situasi tersebut yang membuatkan anda terasa kurang selesa?

Adakah sesuatu perbuatan itu menyalahi Tatakelakuan Mattel, Dasar Syarikat atau undang-undang?

Jika ya, jangan lakukannya. Jika anda kurang pasti, anda haruslah berbincang dengan penyelia anda, Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda atau Jabatan Undang-undang.

Apakah kesannya terhadap pemegang kepentingan Mattel?

Apakah kesannya terhadap para pengguna, pelabur dan pekerja Mattel, terhadap komuniti dan terhadap pihak-pihak lain yang berkepentingan?

Apakah kesannya terhadap reputasi saya dan terhadap reputasi Mattel?

Adakah tindakan anda selaras dengan nilai-nilai murni Mattel? Adakah anda berlaku adil? Adakah anda akan berasa selesa apabila menjelaskan situasi ini kepada keluarga anda ataupun kepada media berita? Apa kata hati nurani anda? Apakah agaknya nasihat yang akan diberikan oleh rakan yang dipercayai?

Jika anda ada pertanyaan mengenai Tatakelakuan ini, anda haruslah berkata sesuatu, mengemukakan keraguan anda dan **meminta bantuan**.

Saluran Pelaporan

Beberapa sumber disediakan untuk pekerja yang ingin melaporkan keraguannya atau yang ingin bertanya tentang sesuatu isu etika.

- **Penyelia anda atau Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda** – Mereka adalah kakitangan yang paling memahami pekerjaan anda dan operasi perniagaan di lokasi anda. Mereka sepatutnya dijadikan sumber pertama untuk anda mendapatkan maklumat.
- **Pakar Lain Dalam Syarikat** – Jabatan Audit Dalaman, Jabatan Keselamatan Global dan Jabatan Undang-undang sedia menjawab soalan-soalan yang khusus tentang Tatakelakuan dan Dasar Syarikat.
- **Pengawalan Keselamatan** – Hubungi kakitangan pengawalan keselamatan bagi tempat kerja anda atau hubungi talian kecemasan tempatan jika ada bahaya atau ancaman yang memerlukan tindakan segera di tempat kerja.
- **Talian Etika** – Talian percuma ini disediakan untuk pekerja yang ingin melaporkan pelanggaran Tatakelakuan atau Dasar Syarikat yang difikirkan mungkin boleh berlaku. Di Kesatuan Eropah, Talian Etika ini dimaksudkan hanya untuk melaporkan hal-hal yang berhubung dengan perakaunan, kawan perakaunan dalaman, pengaudit, sognok dan perdagangan orang dalam (“Hal-hal Perakaunan”).

Talian Etika ini boleh dihubungi 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Khidmat jurubahasa disediakan untuk pekerja yang ingin menggunakan bahasa selain Bahasa Inggeris semasa mengemukakan aduan. Pekerja yang menghubungi Talian Etika digalakkan mengenal pasti diri masing-masing dan maklumat yang diberikannya secara ikhlas akan dirahsiakan, tetapi dia juga boleh memilih untuk merahsiakan namanya.



Tahukah anda



Pekerja boleh mendapatkan nombor telefon Talian Etika bagi lokasinya di ruangan “Talian Bantuan Dan Sumber” pada halaman utama laman intranet Mattel.

Pekerja boleh mendapatkan maklumat perhubungan bagi Jabatan Sumber Manusia dan Jabatan Undang-undang didalam laman intranet Mattel.

Cara Mendapatkan Bantuan dan Mengemukakan Keraguan

● Mengambil Tindakan untuk Membetulkan Masalah

Mengambil tindakan untuk membetulkan masalah ialah sebahagian daripada budaya Mattel.

Mattel menyediakan beberapa sumber yang boleh digunakan oleh para pekerja untuk mengemukakan keraguan tentang etika atau untuk melaporkan pelanggaran yang mungkin akan berlaku. Jika anda ternampak kelakuan yang anda percaya mungkin tidak beretika, menyalahi undang-undang atau melanggar Tatakelakuan atau Dasar Syarikat, anda haruslah melaporkan keraguan anda kepada penyelia anda, Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-undang, Jabatan Audit Dalaman, Jabatan Keselamatan Global atau Talian Etika yang sulit.

Semua aduan akan dikendalikan dengan segera, adil dan sulit. Para pekerja mestilah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam sebarang siasatan yang dilakukan oleh Mattel dan mestilah menjawab dengan benarnya apa-apa soalan yang ditanya sebagai sebahagian daripada siasatan tersebut.

● Balasan Dendam Tidak Akan Dibiarkan

Balasan dendam terhadap mana-mana pekerja yang secara ikhlasnya telah melaporkan keraguannya atau masalah tentang integriti atau etika tidak akan dibiarkan begitu sahaja. Mana-mana pekerja yang mempercayai bahawa dia dikenakan balasan dendam kerana melaporkan sesuatu isu secara ikhlas atau kerana membantu sesuatu siasatan secara ikhlas hendaklah melaporkannya dengan segera kepada Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-undang atau Talian Etika yang sulit.

● Panduan Tambahan

Oleh sebab garis panduan ini sangat umum, Tatakelakuan ini pada zahirnya mungkin tidak menyediakan panduan yang lengkap dalam keadaan yang luar biasa. Anda haruslah sentiasa mendapatkan nasihat dan persetujuan Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda ataupun Jabatan Undang-undang sebelum mengambil sebarang tindakan yang akan bercanggah dengan Tatakelakuan.

Selain itu, pengetepian mana-mana Tatakelakuan ini yang berhubung dengan Pegawai Eksekutif atau Pengarah mestilah diluluskan oleh Lembaga Pengarah atau sesuatu jawatankuasa Lembaga, dan akan didedahkan dengan segera sebagaimana yang diwajibkan oleh undang-undang yang dipakai dan oleh piawaian penyenaraian bursa saham.

Ingat



Setiap pekerja bertanggungjawab membangkitkan dan menyelesaikan isu. Jika kita membiarkan sesuatu isu dalam keadaan tidak selesai, atau jika kita membala dendam terhadap orang yang melaporkannya, kita akan memudaratkan secara serius diri sendiri, Mattel dan semua pemegang kepentingan Mattel.

Semua aduan akan dianggap serius, dan oleh itu, para pekerja mestilah membuat aduan secara bertanggungjawab. Membuat laporan secara bertanggungjawab bererti bahawa aduan tersebut dibuat secara ikhlas. Anda tidaklah perlu bersa benar-benar pasti tentang segala faktanya. Walau bagaimanapun, anda mestilah melaporkan perkara yang anda ketahui atau ragui itu secara jujur.

Soal Jawab

Soalan: Apakah yang akan berlaku apabila saya menghubungi Talian Etika?

Jawapan: Talian Etika dikendalikan untuk Mattel oleh sebuah pembekal khidmat dari luar. Panggilan anda akan dijawab oleh operator, yang akan menanya anda beberapa soalan mengenai keraguan anda itu, dan menyediakan laporan yang akan dihantar kepada Mattel. Jawatankuasa Etika Mattel (yang dianggotai para eksekutif dari jabatan Sumber Manusia, Audit Dalaman dan Keselamatan Global) akan menyiasat keraguan yang dilaporkan itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika perlu. Maklumat yang anda berikan akan dirahsiakan secara ketat dan akan didedahkan hanya kepada orang yang mesti mengetahuinya untuk menyiasat atau untuk mengambil tindakan pembetulan.

Soalan: Semasa bermesyuarat dengan sebilangan besar pekerja dari beberapa jabatan, salah seorang pekerja memberi komen yang anda dapatti tidak berpatutan. Haruskah anda melaporkannya, ataupun bolehkah anda mengandaikan bahawa salah seorang peserta yang lebih kanan akan melakukannya?

Jawapan: Setiap pekerja bertanggungjawab membangkitkan dan menyelesaikan keraguannya. Anda haruslah melaporkan kejadian ini kepada Wakil Sumber Manusia bagi tempat kerja anda. Jangan andaikan bahawa orang lain akan melakukannya.



Cara Mendapatkan Bantuan dan Mengemukakan Keraguan

Mengemukakan Keraguan Atau Rungutan Tentang Hal-hal Perakaunan atau Pengauditan

Mana-mana pekerja pun boleh menyerahkan secara ikhlasnya keraguan atau rungutan tentang hal-hal perakaunan, kawalan perakaunan dalaman atau pengauditan kepada Mattel tanpa rasa takut akan apa jua jenis balasan dendam, dengan cara yang berikut (ini prosedur pelaporan umum dan mungkin berbeza di setiap negara mengikut undang-undang dan peraturan tempatan):

- Hubungi mana-mana Pegawai: Pekerja yang mempunyai rungutan tentang hal-hal perakaunan, kawalan perakaunan dalaman atau pengauditan bolehlah melaporkannya kepada Ketua Penasihat Undang-undang atau kepada Naib Presiden Audit secara bertulis, melalui telefon atau melalui e-mel.
- Aduan pekerja yang diserahkan secara bertulis atau melalui telefon boleh dibuat secara sulit dan tanpa memberikan nama. Atas sebab-sebab teknikal, serahan e-mel tidak boleh dibuat tanpa memberikan nama.
- Hubungi Talian Etika: Talian Etika Mattel membentarkan pekerja melaporkan rungutan mengenai hal-hal perakaunan, kawalan perakaunan dalaman atau pengauditan, serta hal-hal lain secara sulit, tanpa memberikan nama.





Ingatlah, setiap pekerja - tanpa mengira pangkat, lokasi atau tugas - berpeluang dan memikul tanggungjawab untuk menyumbang kepada kejayaan Mattel dengan mengikuti piawaian ini dan dengan bertindak secara berintegriti setiap hari.

**JANGAN
BERHENTI
TURUT SERTA**



MENCIPTA PERMAINAN MASA HADAPAN



Dokumen ini mengandungi teks bagi Tatakelakuan Mattel berserta beberapa alat bantu pembelajaran (misalnya Soal Jawab, "Tahukah Anda?", Peringatan dan "Pastikan Dan Elakkan") yang dimaksudkan untuk mendalamkan pemahaman tentang prinsip-prinsip Tatakelakuan ini. Teks Tatakelakuan dibingkaikan di dalam petak bergaris merah. Versi Tatakelakuan ini yang mengandungi teks sahaja juga boleh didapati di www.mattel.com.